

PolyHome 7 Fasa 3
KGDENGIR, BUKITPUTRI, BESUT, TERENGGANU
18 JULAI - 14 OGOS 2016

PENGANJUR:
POLITEKNIK MALAYSIA & PARLIMEN BESUT
PELAKSANA:
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA, 77300, MERLIMAU MELAKA

HEBAHAN BERITA

POLYHOME FASA 3: PROJEK PEMBINAAN RUMAH CSR POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA. DI BESUT, TERENGGANU. (18 JULAI – 16 OGOS 2016)

ANJURAN: PARLIMEN BESUT BERSAMA POLITEKNIK MALAYSIA
PELAKSANA: POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

Bermula Mac 2016, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) telah memulakan projek komuniti iaitu pembinaan rumah mampu milik yang dinamakan **POLYHOME** bagi membantu golongan berpendapatan rendah di daerah Besut, Terengganu. Pembinaan akan dilaksanakan oleh pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau dengan diselia oleh pihak industri iaitu GPIBS Berhad. Penerima rumah ini adalah seorang ibu tunggal yang mempunyai 10 orang anak iaitu Puan Samariah binti Ibrahim yang berumur 49 tahun. Suaminya telah meninggal dunia 3 tahun yang lepas dan beliau bekerja mengambil upah dengan melakukan kerja-kerja kampung untuk menyara kehidupan beliau.



Foto 1: Pn Samariah binti Ibrahim



Foto 2: Puan Samariah menumpang di rumah adik iparnya.

Program ini akan melibatkan *on-site training* selama 30 hari dimana para pelajar akan membina sebuah rumah dengan menggunakan kaedah moden dalam pembinaan iaitu Sistem Binaan Berindustri (IBS). Sistem IBS adalah merupakan teknologi pembinaan yang meminimakan proses kerja di tapak dengan menggunakan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran sahaja. Bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan, aspek keselamatan haruslah

sentiasa diutamakan dan pelajar perlu dilengkapi dengan peralatan perlindungan peribadi (PPE) seperti topi keselamatan, sarung tangan dan pelindung muka.



Foto 3: Lawatan Pengarah PMM ke tapak projek



Foto 4: Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan

Politeknik Melaka merupakan Politeknik Penyelaras untuk pembinaan rumah ini dan kerjasama dengan rakan industri mereka iaitu GPIBS Berhad. Pelajar akan didedahkan dengan suasana sebenar di tapak pembinaan (*work based learning*) dengan melakukan setiap peringkat kerja pembinaan. Di akhir latihan, para pelajar juga akan mendapat Sijil Kecekapan Kemahiran yang dikeluarkan oleh Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Melalui akreditasi kemahiran ini, daya saing graduan akan meningkat dan seterusnya menyumbang kepada nilai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Diharapkan dengan adanya program ini, membolehkan golongan yang berpendapatan rendah dapat mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa berbanding tempat kediaman terdahulu dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup mereka. Semoga program ini dapat dilaksanakan bagi menjayakan misi membina rumah mampu milik.